

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 10.6.2014

NO. SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perbelanjaan operasi Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Kolej Tunku Abdul Rahman dibiayai oleh Kementerian Pendidikan ataupun pihak swasta. Apakah universiti dan kolej ini dianggap sebagai institut pengajian tinggi swasta ataupun institut pengajian tinggi awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) adalah berstatus Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang ditubuhkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. UTAR dimiliki oleh syarikat berhad dengan jaminan (*not-for-profit*) yang dimiliki sepenuhnya oleh Yayasan Pendidikan UTAR (UTAR *Education Foundation*). Sebagai sebuah entiti swasta, UTAR menguruskan perbelanjaan operasinya sendiri dan tidak dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Manakala, Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) ditubuhkan pada 24 Februari 1969. KTAR mendapat subsidi Kerajaan sebanyak 50% termasuk *capital expenditure* dan 50% daripada *Trustees (TARC Education Foundation)*. KTAR telah di ubah kepada Kolej Universiti berstatus IPTS dengan ditubuh dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]. Selain itu, Kerajaan bersetuju meneruskan bantuan sebelum ini yang dikenali

sebagai *matching grant* sehingga maksimum RM 60 juta setahun dengan tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Rjm35